

Ke arah Model Agihan Zakat Terhadap Mangsa Bencana di Negeri Kedah Berdasarkan Jenis Bencana dan Bantuan

*(Towards Zakah Distrubution Model for The Disaster Victims in Kedah Based
on Type of Disaster and Assistance)*

Mohd Akram Dahaman@Dahlan (Corresponding Author)

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
06010 Malaysia. akram@uum.edu.my.*

Mohamad Khadafi bin Hj. Rofie

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
06010 Malaysia. khadafi@uum.edu.my*

Solahuddin bin Abdul Hamid

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
06010 Malaysia. solah@uum.edu.my*

Muhamad Amar bin Mahmad

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
06010 Malaysia. m.amar@uum.edu.my*

Article

Progress:

Submission date:

XXXX

Accepted date:

XXXX

ABSTRAK

Mutakhir ini Malaysia telah berdepan dengan peningkatan jenis bencana melibatkan banjir, ribut, kebakaran dan juga pandemik virus yang menjejaskan kehidupan masyarakat serta kesihatan awam. Berdasarkan laporan yang di buat oleh pihak berkuasa zakat di negeri Kedah iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), agihan zakat kepada mangsa bencana di negeri Kedah diambil peruntukan daripada asnaf fakir dan miskin sahaja. Perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam berdasarkan perbincangan ulama berkenaan beberapa asnaf lain seperti al-Gharimun, Ibn al-Sabil dan Muallafah Qulubuhum bagi mendapat satu bentuk penanda aras dalam menjana inisiatif baharu bagi skim-skim bantuan kepada mangsa bencana yang lebih komprehensif. Dapatan awal ini telah berjaya mengemukakan jenis bencana yang berlaku di Malaysia dan di negeri Kedah. Dapatan juga telah menunjukkan bentuk bantuan yang telah diberikan pihak berkaitan kepada mangsa bencana seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), LZNK dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) di negeri Kedah. Dapatan juga telah menunjukkan keperluan LZNK untuk membentuk satu model agihan zakat terhadap mangsa bencana melibatkan asnaf lain seperti al-Gharimun, Ibn al-Sabil dan Muallafah Qulubuhum di samping asnaf fakir dan miskin. Perkara ini akan menatijahkan keberhasilan yang baik kepada LZNK dalam meletakkan prestasi agihan kutipan zakat yang menyeluruh dan berfokus.

Kata Kunci: Model Agihan Zakat, bencana, Asnaf zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Recently, Malaysia has faced an increase in the types of disasters involving floods, storms, fires and even virus pandemics that affect public life and public health. Based on the report made by the zakat authority in the state of Kedah, namely Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), the distribution of zakat to disaster victims in the state of Kedah is allocated from the poor and needy asnaf only. This matter needs to be examined in more depth based on the discussions of scholars on several other asnafs such as al-Gharimun, Ibn al-Sabil and Muallafah Qulubuhum to get a form of benchmark in generating new initiatives for relief schemes for disaster victims more comprehensive. These preliminary findings have successfully presented the types of disasters that occur in Malaysia and in the state of Kedah. The findings have also shown the form of assistance that has been given by related parties to disaster victims such as Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), LZNK and Angkatan Pertahanan Awam (APM) in the state of Kedah. The findings have also shown the need for LZNK to form a zakat distribution model for disaster victims involving other asnaf such as al-Gharimun, Ibn al-Sabil and Muallafah Qulubuhum in addition to the poor and needy asnaf. This will result in good results for LZNK in placing a comprehensive and focused zakat collection distribution performance.

Keywords: Zakat Distribution Model, disaster, Asnaf zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

PENDAHULUAN

Sehingga tahun 2018, Malaysia amnya dan negeri Kedah khususnya sering kali dilanda oleh pelbagai bencana alam seperti banjir, ribut selain kebakaran dan lain-lain bencana melibatkan masyarakat Islam.

Bencana ditakrifkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya. Perkara ini memerlukan tindakan pengemblengan sumber yang ekstensif.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh NADMA, sepanjang tempoh dari tahun 2013 sehingga 2018, terdapat empat jenis bencana yang berlaku iaitu tanah runtuh, taufan atau angin kencang, banjir dan banjir kilat di negeri Kedah. Namun begitu, masih terdapat jenis-jenis bencana yang lain disenaraikan oleh pihak NADMA dalam konteks Malaysia melibatkan semua negeri yang ada. Bagi negeri Kedah, kawasan yang terlibat dengan bencana sepanjang tempoh tersebut meliputi beberapa bahagian iaitu Baling, Bandar Baharu, Padang Terap dan Yan. (NADMA, 2018).

Dalam konteks pentadbiran zakat bagi setiap negeri di Malaysia, hanya terdapat beberapa negeri sahaja yang telah mengkategorikan mangsa bencana sebagai penerima zakat di bawah skim bantuan disebabkan bencana. Malah negeri-negeri ini menamakan skim tersebut dengan jelas untuk mangsa bencana. Antara negeri tersebut ialah Perlis, Wilayah Persekutuan dan Sarawak.

Jadual 1.1

Jenis dan Skim Agihan / Bantuan Mengikut Negeri

Bil.	Negeri	Jenis dan Skim Agihan/Bantuan
1	Perlis	Bantuan Bencana
		Bantuan Kecemasan Luar Jangka
2	Kedah	Bantuan Kepada Orang Yang Berhutang
3	Pulau Pinang	Kesusahan Berat/Hutang
4	Perak	Bantuan Kecemasan/Segera
		Bantuan Penyelesaian Hutang
5	Selangor	Hutang Kerana Keperluan Hidup
		Hutang Persatuan Kerana Permasalahan Ummah
6	WP	Bantuan Segera
		Bantuan Musibah
7	Negeri Sembilan	Bantuan Membayar Hutang Keperluan Asasi (perlindungan, pakaian, makanan, perubatan, pendidikan)
		Bantuan Bencana Alam/Musibah (banjir, rumah terbakar, kerosakan akibat tanah runtuh atau ribut taufan)
8	Melaka	Bantuan Kewangan
9	Johor	Skim Bantuan Menjelaskan Hutang
		Skim Bantuan Segera (Kecemasan)
10	Pahang	Menebus Tanah Orang Islam Tergadai
		Orang Yang Berhutang Untuk Menegakkan Islam
		Orang Yang Berhutang Kerana Keperluan Asas (makanan, kematian, dll)
11	Terengganu	Bantuan Golongan yang Terpaksa Berhutang Untuk Keperluan Asas
		Bantuan Pengurusan Jenazah Tanpa Waris
12	Kelantan	Bayaran Keperluan Darurah
13	Sarawak	Bantuan Kecemasan/Bencana Alam
		Bantuan Bagi Asnaf al-Gharimin (Menyelesaikan Hutang)
14	Sabah	Bantuan Melangsaikan Hutang (Asasi)

Dari sudut kelompok asnaf yang diletakkan oleh negeri terhadap skim-skim bantuan terhadap mangsa bencana, semua negeri ini menetapkan beberapa jenis bencana seperti kebakaran, ribut, banjir sebagai jenis bencana yang diberikan peruntukan bahagian daripada asnaf fakir, miskin, al-gharimin dan fi sabilillah. Manakala bagi negeri Kedah, hanya dua kelompok asnaf iaitu fakir dan miskin diperuntukkan bahagian zakat melibatkan bencana-bencana seperti kebakaran, ribut dan banjir.

Berdasarkan penjelasan di atas, terdapat hubungan signifikan yang perlu dimainkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam membantu mangsa-mangsa bencana di negeri Kedah. Oleh itu, satu model agihan komprehensif zakat terhadap mangsa bencana di negeri Kedah perlu dilakukan secara empirikal berasaskan penanda aras klasik dan keperluan kontemporari.

Perkara ini sangat perlu bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat di negeri Kedah secara khusus dan masyarakat Islam di Malaysia umumnya untuk menunaikan tuntutan zakat dalam pelbagai jenis lantasi dapat meningkatkan kutipan zakat tahunan.

SOROTAN KARYA

Berdasarkan sorotan karya berkaitan dengan skop kajian ini, didapati terdapat beberapa artikel yang berasaskan penyelidikan menjurus kepada perbincangan berkaitan zakat dan bencana sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Penumpuan banyak dilakukan oleh pengkaji di Malaysia tentang agihan zakat kepada mangsa yang terlibat dengan bencana banjir.

Artikel yang ditulis oleh Mohd Anuar, Habibah Abdul Wahid, Mohammad Naqib Hamdan dan Muhammad Izzul (2017) bertajuk "Golongan Mangsa Banjir di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Fisabillah dan Ibn Sabil" telah menumpukan kajian zakat dan bencana banjir dalam memberi tafsiran yang lebih luas kepada agihan asnaf fi sabillah dan ibn sabil.

Habibah Abdul Wahid (2015) sebelumnya telah mengemukakan beberapa cadangan awal dalam membuat penentuan asnaf zakat kepada mangsa banjir di dalam artikel bertajuk "Penentuan Asnaf Zakat Kepada Mangsa Banjir Di Malaysia: Satu Cadangan".

Manakala Siti Fariza (2016) mengemukakan penemuannya dalam satu artikel bertajuk "Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat Dan Cadangan Pengaplikasiannya di Malaysia" sebagai langkah untuk memberi input kepada institusi zakat negeri memasukkan mangsa bencana banjir sebagai penerima zakat.

Mohd Izzuddin bin Mohd Noor *et.al.* (2018) di dalam artikel bertajuk أحكام العبادات الخاصة بالمغتسلين من الفيضانات: دراسة فقهية تحليلية membawa perbincangan fekah bagi mangsa bencana banjir secara khusus melibatkan ibadat seperti bersuci, solat dan juga zakat. Kesimpulan yang dibuat adalah keharusan mengagihkan zakat kepada mangsa bencana banjir dengan beberapa kriteria antaranya kemusnahan penuh atau sebahagian harta yang dimiliki seseorang mangsa sehingga tidak lagi mampu memenuhi keperluan keluarganya.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini. Bagi tujuan kutipan data, dua kaedah digunakan iaitu kaedah perpustakaan dan temu bual secara separuh berstruktur. Kaedah perpustakaan digunakan bagi mendapatkan pandangan sarjana Islam berkaitan zakat yang boleh diberikan kepada masyarakat disebabkan bencana yang menimpa. Terdapat perbincangan dalam kalangan ulama tentang hal ini yang perlu disemak dari sudut pendalilan, penghujahan dan kekuatan keduanya. Pandangan-pandangan sarjana Islam kontemporari juga perlu untuk disemak bagi mendapatkan fatwa-fatwa baharu dan kontemporari berkaitan hal ini sama ada di luar negara mahupun di dalam negara. Fatwa-fatwa rasmi berkaitan zakat bencana dan skim-skim yang telah diputuskan oleh badan berautoriti fatwa negeri seluruh Malaysia juga perlu disemak. Perkara ini bagi mengenalpasti kedudukan sebenarnya sumbangan zakat terhadap mangsa bencana melibatkan pelbagai aspek seperti jenis sumbangan, jenis asnaf dan lain-lain.

Kaedah temubual pula merupakan kaedah yang utama bagi mendapatkan data-data premier di dalam kajian ini. Temubual melibatkan agensi berkaitan bencana seperti LZKN, NADMA/APM

negeri Kedah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKM). Semua soalan dibina berdasarkan objektif yang telah ditetapkan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran menyeluruh berkaitan jenis bencana di negeri Kedah, jenis bantuan terhadap mangsa bencana dan perancangan penambahbaikan agensi terbabit dalam memastikan keperluan mangsa bencana dipenuhi.

Bagi tujuan analisis data daripada bahan perpustakaan dan bahan temubual, beberapa kaedah dan aplikasi diterapkan. Untuk data perpustakaan, kaedah analisis tematik berbentuk deskriptif, induktif dan deduktif digunakan. Kaedah analisis ini diambil adalah bersesuaian dengan tujuan meneliti kedudukan agihan zakat berkaitan bencana berdasarkan penandaarasan klasik melibatkan pandangan fekah oleh sarjana Islam di dalam kitab muktabar, juga pandangan ulama kontemporari yang mempunyai ulasan berbeza berdasarkan realiti semasa berkaitan agihan zakat terhadap mangsa bencana. Manakala data temubual, analisis yang dilakukan adalah menggunakan aplikasi Nvivo 11. Aplikasi ini dipilih kerana sesuai dengan data kualitatif yang telah dikutip dan objektif membentuk model yang perlu dibentuk melalui maklumat yang disusun daripada temubual yang dilakukan.

Hasil ini menampakkan pola yang sebenarnya berkaitan agihan zakat kepada mangsa bencana. Melalui data yang diperolehi mampu menjadi asas kepada pembentukan satu model komprehensif agihan zakat kepada mangsa bencana di negeri Kedah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

JENIS BENCANA DI MALAYSIA

Di Malaysia, berdasarkan maklumat daripada NADMA terbahagi kepada 11 jenis bencana yang diurus di bawah Arahan MKN 20. Berikut adalah pembahagiannya.

Bil.	Jenis Bencana
1	bencana alam (banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh)
2	bencana industri (letupan, kebakaran, pencemaran, kebocoran bahan berbahaya di kilang/loji/depot yang memproses, mengeluarkan dan menyimpan bahan ini)
3	kemalangan melibatkan pengangkutan/penyaluran/pemindahan bahan berbahaya)
4	keruntuhan bangunan/struktur khas
5	kemalangan udara (yang berlaku di kawasan berpendudukan tinggi);
6	pelanggaran/gelinciran keretapi/lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa/kemusnahan harta benda yang besar
7	kebakaran (melibatkan kawasan yang luas termasuklah kebakaran bangunan tinggi/struktur khas yang mempunyai ramai orang)
8	empangan/takungan air pecah
9	kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear
10	kejadian jerebu
11	penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik

Bencana dibahagikan kepada dua kumpulan asas iaitu alam dan buatan manusia. Antara bencana alam adalah gempa bumi, gunung berapi, taufan, banjir dan kebakaran. Antara bencana buatan


manusia ialah peperangan, pencemaran, letupan nuklear, kebakaran, pendedahan bahan berbahaya, letupan, dan kemalangan (Zibulewsky, 2001).

Berdasarkan kerosakan dan kerugian, mangsa menghadapi cabaran terbesar akibat kehilangan rumah dan harta benda, kehilangan mata pencarian dan mereka perlu mengumpul kekuatan untuk membina kehidupan baru selepas bencana. Keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk mangsa bencana. Mereka memerlukan bantuan jangka pendek dan jangka panjang untuk membina semula kehidupan mereka. Bantuan ini boleh dalam bentuk geran dari kerajaan persekutuan, korporat atau individu. Ia dapat dilihat dalam pelbagai instrumen, seperti derma amal atau zakat (Mustaffa, Marzuki, Ariffin, Salleh & Rahaman, 2014).


Kejadian bencana di Malaysia amat dipengaruhi oleh faktor cuaca dan iklim. Malaysia mengalami suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak sepanjang tahun. Oleh yang demikian, bencana yang lazimnya berlaku di Malaysia adalah bersifat *hydrometeorology* seperti banjir dan ribut. Selain daripada itu, Malaysia juga berisiko mengalami bencana bersifat *geophysical* seperti tanah runtuh dan tsunami.

Sepanjang tahun 2018, Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) telah merekodkan sebanyak 110 kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara. Sebanyak 66 kejadian atau 60.5% daripadanya adalah banjir, 26 kejadian atau 22.9% daripadanya adalah ribut, 9 kejadian (8.2%) adalah kebakaran dan 3 (2.7%) kejadian adalah tanah runtuh. Walaupun, Negara terletak di luar garisan Lingkaran Api Pasifik iaitu kawasan aktif gempa dan gunung berapi sebagaimana yang dialami oleh Indonesia dan Filipina, Malaysia juga telah mencatatkan 6 gempa bumi berskala sederhana dan rendah (3.0 – 5.2 skala richter) di daerah Ranau dan Kundasang di Sabah serta daerah Miri di Sarawak. Namun begitu, tiada kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa dilaporkan.


Dari segi implikasi terhadap rakyat, 51,106 mangsa daripada 16,847 keluarga telah terjejas akibat daripada pelbagai kejadian bencana yang dicatatkan di atas. Ini adalah bersamaan dengan 0.19 peratus daripada keseluruhan populasi di negara ini. Angka kematian yang dicatatkan adalah seramai 27 orang.



Rajah 1.1
Bencana di Malaysia
 (Sumber: Laporan Tahunan NADMA, 2018)



Rajah 1.2
Pecahan Kejadian Bencana Mengikut Negeri
 (Sumber: Laporan Tahunan NADMA, 2018)



Rajah 1.3
Perbandingan Kejadian Bencana Di Malaysia 2014-2018
 (Sumber: Laporan Tahunan NADMA, 2018)

Dari segi bilangan kejadian bencana yang direkodkan, terdapat peningkatan pada tahun 2018 berbanding tahun-tahun sebelum ini. Berdasarkan kekerapan yang dicatatkan kejadian banjir merupakan bencana yang paling kerap berlaku di negara ini dan memberi kesan yang besar berdasarkan bilangan rakyat yang terjejas. sembilan pertus kawasan tanah di Malaysia adalah

kawasan berisiko banjir dan boleh menjejaskan 4.8 juta penduduk tinggal di kawasan ini. Selain banjir, ribut juga antara bencana yang kerap melanda negara ini. Fenomena ini adalah dipengaruhi oleh keadaan iklim negara yang mempunyai dua monsun utama iaitu Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut serta tempoh Peralihan Monsun yang berlaku di antara dua monsun utama.

JENIS BANTUAN KEPADA MANGSA BENCANA DI NEGERI KEDAH

Bagi negeri Kedah, secara umumnya terdapat 3 agensi yang terlibat secara langsung menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana. Agensi tersebut ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

JKM sejak penubuhannya telah memainkan peranan penting dalam mentadbir dan melaksana perkhidmatan kepada golongan kurang bernasib baik yang memerlukan bantuan kewangan. JKM menggunakan pelbagai pendekatan dalam memperkembang dan mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti dalam konteks pembangunan sosial seperti memulihkan mangsa akibat pergolakan sosial dan bencana alam. Jadual 2.4 menunjukkan jenis bantuan yang disalurkan oleh JKM kepada mangsa bencana (Temubual pada 19 Mac 2019).

Jadual 1.2

Penetapan Item Barangan Bantuan Bencana di Pusat Pemindahan

KEPERLUAN ASAS	MAKANAN	KEPERLUAN TAMBAHAN
1. tikar	1. beras	1. foam mat
2. selimut	2. gula pasir	2. kerusi roda
3. kain pelikat	3. minyak masak	3. alat sokongan
4. kain batik	4. ikan kering / bilis	4. t-shirt
5. tuala	5. telur	5. trackbottom
6. comforter	6. kopi / teh	6. lampin pakai buang (kanak-kanak & dewasa)
7. hygiene kit	7. garam	7. tuala wanita bantal
- ubat gigi	8. makanan dalam tin	8. lilin
- berus gigi	9. tepung	9. susu tepung (bayi / warga emas)
- sabun	10. air mineral	10. tilam (mangsa berkeperluan khas)
- tuala muka	11. bihun / mee	11. lain-lain (berdasarkan keperluan dan kesesuaian)
- syampu	12. biskut	
- sikat rambut	13. susu pekat	
8. refreshment kit	14. sardin	
- air mineral / air kotak		

Bagi aspek bantuan kepada mangsa bencana di seluruh negeri Kedah, didapati LZNK hanya menghadkan bantuan kepada asnaf yang berada di dalam kategori miskin. Terdapat dua jenis bantuan yang disediakan kepada mangsa bencana di negeri Kedah iaitu berbentuk kit makanan dan kewangan. Jenis-jenis bencana adalah terdiri daripada banjir, ribut dan kebakaran.

Kit makanan yang disediakan adalah bernilai RM50 dan terdiri daripada beras (5 kg), kopi, milo, biskut, makanan segera, sardin dan gula. Kit makanan adalah berdasarkan keperluan yang dapat

menampung hidup mangsa bencana selama tempoh dua minggu. Kit makanan disalurkan kepada semua jenis mangsa bencana merangkumi seluruh negeri Kedah (12 daerah) pada hari pertama pusat penempatan sementara dibuka.

Bagi bantuan kewangan pula, LZNK akan menyalurkan bantuan tunai sebanyak RM300 kepada semua mangsa tanpa mengira tahap pendapatan sama ada daripada kumpulan berpendapatan tinggi atau rendah. Bantuan ini disalurkan secara *one-off*. Selain bantuan tunai, LZNK juga menyediakan peruntukan sebanyak RM43,000 kepada mangsa bencana sekiranya rumah mereka musnah sama sekali dalam bencana yang dihadapi (Temubual pada 21 Feb 2019).

Selain LZNK, badan yang aktif membantu mangsa bencana di negeri Kedah adalah APM. Seperti LZNK, APM juga menyalurkan bantuan berbentuk makanan iaitu kit makanan yang sudah siap dimasak dan sedia untuk dimakan. Selain bantuan makanan, APM turut menyediakan bantuan peralatan atau kelengkapan untuk membantu menyelamatkan mangsa bencana seperti bot.

APM juga turut memberi bantuan berbentuk kewangan kepada mangsa bencana yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Bencana (KUWAB). Bantuan ini sebenarnya adalah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan (Temubual pada 25 November 2018).

ASAS PEMBENTUKAN MODEL AGIHAN ZAKAT TERHADAP MANGSA BENCANA DI NEGERI KEDAH

Berdasarkan data temubual bersama pihak pengurusan LZNK, bantuan yang diberikan kepada mangsa bencana di negeri Kedah hanya tertumpu kepada golongan fakir dan miskin.

Meneliti perbincangan ulama dalam isu ini, didapati terdapat ruang yang boleh digunakan oleh LZNK dalam menggunakan peruntukan asnaf selain fakir dan miskin. Satu tanda aras yang baharu dapat diletakkan dalam menginovasikan beberapa skim bantuan mangsa bencana menggunakan asnaf lain berbanding amalan sedia ada. Bahagian asnaf tersebut ialah *al-Gharimun*, *Ibn al-Sabil* dan *Muallafah Qulubuhum*.

i. al-Gharimun

Menurut pandangan al-Khin dan al-Bugha (2000), *al-Gharimun* ialah mereka yang dibebani hutang dan tidak mampu melunaskannya. Mereka diberikan harta zakat yang mencukupi untuk melunaskan hutang yang telah sampai tempohnya dan menampung keperluan makan minum, pakaian dan tempat tinggal dengan syarat mereka berhutang untuk tujuan yang halal.

Mujahid telah meletakkan mangsa bencana alam sebagai penerima zakat di bawah asnaf ini. Beliau berkata;

“Seseorang yang hartanya rosak kerana banjir, atau rosak kerana terbakar, atau seseorang yang mempunyai ahli keluarga tetapi dia tidak memiliki harta, lalu dia berhutang untuk memberi nafkah kepada ahli keluarganya”. (al-Syafi'i, 1993)

al-Tabari (1994) meriwayatkan daripada Mujahid dalam mentafsir perkataan *al-Gharimun* yang ada di dalam ayat asnaf zakat sebagai;

الغارمون من احترق بيته ، أو يصيبه السيل فيذهب متاعه ويدان على عياله فهذا من الغارمين

Asas pandangan Mujahid boleh dilihat bersandarkan hadith daripada Qabisah bin Mukharik al-Hilali. Daripada asas ini al-'Azim al-Abadi (1979) menyatakan, "Siapa yang ditimpa hartanya dengan sebab kabinasaan dari langit atau bumi seperti kesejukan air batu, tenggelam dan seumpamanya yang menyebabkan tiada lagi baginya barangan untuk hidup maka haruslah baginya meminta sehingga dapat menyelesaikan kehidupannya semula.

Dengan pandangan daripada ulama silam ini, tokoh kontemporari Yusuf al-Qaradawi (1973) dengan itu memberi responnya:

"Aku khususnya yang mengenai sifat al-Gharimun bagi golongan yang terkena bencana alam sehingga binasa harta bendanya dan terpaksa kepada berhutang maka hukumnya dibolehkan"

Di Malaysia, Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri juga berpendapat keharusan memberi zakat kepada mangsa bencana alam menggunakan peruntukan asnaf *al-Gharimun* (<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2054-14>).

Bersandarkan kepada perbahasan di atas, dalam konteks negeri Kedah, LZNK boleh mewujudkan beberapa bentuk skim yang diambil peruntukannya daripada asnaf *al-Gharimun*. Antara skim tersebut seperti Skim Baik Pulih Rumah Mangsa Bencana yang mana nilai kerosakan kurang daripada RM45000, Skim Bantuan Asas Sekolah Pasca Bencana melibatkan pakaian sekolah, beg sekolah, alat tulis, Skim Bantuan Modal Awal Perniagaan Pasca Bencana, Skim Kupon Pakaian Harian Pasca Bencana, Skim Bantuan Asas Mahasiswa Pasca Bencana

ii. *Ibn al-Sabil*

Sebagai asnaf terakhir yang disebut di dalam al-Quran, pentakrifannya telah dilakukan oleh setiap mazhab. Secara keseluruhannya semua takrifan tersebut membawa maksud yang menghadapi kesukaran dalam perjalanan disebabkan terputusnya bekalan yang berbentuk kebendaan (Hasanah Abd Khafidz *et.al*, 2012)

Unsur terputus bekalan yang berbentuk kebendaan ini telah menjadi asas oleh Yusuf al-Qaradawi (1973) dalam mengutarakan keperluan mengkategorikan beberapa kelompok manusia yang boleh menerima porsi zakat daripada asnaf *Ibn Sabil* seperti orang pelarian, pengemis dan orang gelandangan. Malah beberapa kelompok lain juga berkongsi ciri yang sama dengan makna *Ibn Sabil* seperti yang cuba diketengahkan oleh mazhab Hanafi. Pandangan mereka menyatakan bahawa semua orang yang tiada harta walaupun berada di dalam negerinya pada waktu tersebut, termasuk orang yang secara amnya dikategorikan sebagai mempunyai kemampuan kewangan. Ini kerana keperluan pada keadaan ini adalah jelas (Ibn Nujaim, 1997).

Merujuk kepada waktu berlaku sesuatu bencana dan semua mangsa akan dipindahkan kepada satu tempat pemindahan. Di pusat pemindahan dan pada waktu berlaku bencana tersebut, walaupun seseorang itu kaya dan mempunyai kemampuan kewangan tetapi mereka sendiri tidak dapat menggunakan kemampuan kewangan tersebut pada ketika itu. Bank ditutup, berkemungkinan talian internet mahupun telefon terputus, tiada wang di tangan. Pada ketika ini mereka ini telah berada pada satu keadaan *al-Hajah al-Muktabarah* (Ibn 'Abidin, 2003).

Keadaan ini memungkinkan pengagihan bantuan zakat oleh LZNK dilakukan menyeluruh semasa bencana berlaku kepada mangsa bencana tanpa terikat dengan status fakir dan miskin

secara literal. Bahagian daripada asnaf ini boleh diperuntukkan kepada mangsa bencana secara keseluruhan. Antara skim bantuan yang boleh diwujudkan daripada peruntukan asnaf ini ialah Skim Bantuan Makanan Ketika Bencana melibatkan makanan dan minuman yang disediakan oleh skuad catering LZNK di sepanjang tempoh pusat pemindahan bencana dibuka. Begitu juga dengan skim bantuan berbentuk Kit Keluarga Ketika Bencana mengandungi pakaian asas, selipar, stoking dan tuala. Selain itu ialah skim bantuan berbentuk Kit Keperluan Asas Bayi Ketika Bencana yang mengandungi botol susu, tisu basah bayi, tuala dan keperluan bayi yang lain serta skim bantuan Kit Perubatan Ketika Bencana yang mengandungi Vitamin C, paracetamol, minyak gamat dan balm.


iii. *Muallafah Qulubuhum*

Pandangan ilmuan semasa secara umumnya menyimpulkan asnaf *Muallafah Qulubuhum* sebagai golongan yang dilembutkan atau digerakkan hatinya kepada agama Islam. Mereka cuba menggabungkan beberapa pentafsiran klasik dengan tuntutan semasa. Menurut al-Qaradawi (1973), muallaf ialah orang yang dilembutkan hatinya dengan harapan mereka akan cenderung kepada Islam atau dapat menguatkan iman atau menghentikan kejahatan mereka terhadap orang Islam. Selain itu Wahbah al-Zuhayli (1996) menyatakan muallaf ialah mereka yang lemah hatinya terhadap Islam dan diberikan zakat untuk menguatkan pegangan terhadap Islam.

Dalam konteks dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya, terdapat dua indikator utama keberhasilan dakwah tersebut. Pertama ialah seseorang bukan Islam memeluk Islam dan yang kedua, orang bukan Islam itu mendapat gambaran yang baik terhadap Islam.

Berkait rapat dengan mangsa bencana yang berlaku di Malaysia, mangsa yang terlibat adalah dalam kalangan umat Islam mahupun bukan Islam. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Berdasarkan statistik terbaharu populasi penduduk Malaysia secara keseluruhan ialah 32.7 juta penduduk. Daripada jempulah tersebut, 69.6% adalah dalam kalangan bumiputera yang mana didominasi oleh orang Melayu beragama Islam. Selebihnya ialah kumpulan etnik cina 22.6%, India 6.8% dan lain-lain 1% yang majoriti beragama Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain.

Figure 2: Percentage of citizens population by ethnic group, Malaysia, 2019 and 2020^e




^e Estimates

Rajah 1.4
Pecahan Etnik di Malaysia

(Sumber: Jabatan Statistik Malaysia, 2020)

Carta 12: Taburan peratus penduduk mengikut agama, Malaysia, 2010
 Chart 12: Percentage distribution of the population by religion, Malaysia, 2010



Rajah 1.5

Pecahan Agama di Malaysia

(Sumber: Jabatan Statistik Malaysia, 2020)

Bertepatan dengan definisi asnaf *Muallafah Qulubuhum*, masyarakat bukan Islam di Malaysia yang merupakan mangsa bencana boleh diberikan sebarang bentuk bantuan dalam rangka melunakkan hati mereka dengan Islam. Paling minimum, bantuan zakat yang diberikan dapat memberikan gambaran positif mereka terhadap Islam dan akhirnya mampu membuka menyedarkan mereka tentang Islam dan akhirnya boleh membawa mereka untuk memeluk Islam. Namun begitu, perkara ini perlu dijaga dan diselia sebaiknya oleh pihak berwenang agar kebajikan umat Islam terlebih dahulu dijaga dan diberikan hak. Oleh itu, jumlah dan jenis bantuan itu adalah tertakluk kepada kebijaksanaan pemerintah dan pihak zakat itu sendiri.

Bagi LZNK, ruang dan peluang ini boleh diambil dengan menyediakan sejumlah peruntukan daripada asnaf *Muallafah Qulubuhum* dan diagihkan berdasarkan skim-skim agihan yang telah dinyatakan di dalam kelompok asnaf yang terlibat dengan mangsa bencana ini. Skim-skim yang terbabit melibatkan mangsa bencana bukan Islam semasa bencana berlaku dan pasca bencana.

KESIMPULAN

Satu model yang lebih komprehensif bagi pengagihan zakat terhadap mangsa bencana adalah diperlukan di negeri Kedah. Ini kerana LZNK sebagai pihak yang bertanggungjawab mengagihkan kutipan zakat, buat masa sekarang hanya memberi tumpuan kepada asnaf fakir miskin sahaja. Berdasarkan perbincangan ulama klasik dan kontemporari dalam isu asnaf zakat, didapati wujud satu bentuk penanda aras baharu yang tidak terkeluar daripada perbincangan ulama silam merentasi semua mazhab muktabar sama ada Hanafi, Maliki, Syafie mahupun Hanbali. Perkara ini tidak terkeluar daripada dasar yang telah ada di negeri Kedah berkaitan hukum syarak yang telah menyediakan ruang mengambil pandangan mazhab yang disebut di atas

selain mazhab Syafie. Hal ini mampu untuk mewujudkan lebih banyak ruang untuk inovasi baharu melibatkan skim bantuan kepada mangsa bencana melibatkan asnaf baharu seperti *al-Gharimun*, *Ibn al-Sabil* dan *Muallafah Qulubuhum*. Perkara ini mampu untuk menatijahkan prestasi yang cemerlang bagi LZNK dalam mengagihkan kutipan zakatnya kepada pihak yang tepat memerlukan bantuan.

PENGHARGAAN

Dapatan bagi artikel yang diterbitkan ini adalah daripada hasil kajian di bawah pembiayaan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia (UUM) – Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bertajuk “Model Agihan Komprehensif Zakat Terhadap Mangsa Bencana Di Negeri Kedah Berasaskan Penanda Arasan Klasik Dan Kontemporari” dengan kod s/o: 14107.

RUJUKAN

- al-Abadi, al-‘Azim (1979). *‘Aun al-Ma’bud Syarah Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Habibah Abdul Wahid, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. (2015). *Penentuan asnaf zakat kepada mangsa banjir di Malaysia: Satu cadangan*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Hasanah Abd Khafidz & Irwan Mohd Subri (2012). Agihan Zakat Ibn Al-Sabil Dalam Realiti Semasa. *Jurnal Syariah*, 109-122.
- Ibn ‘Abidin (2003). *Rad al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar Syarah Tanwir al-Abshar*. Riyadh: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Ibn Nujaim (1997). *al-Bahr al-Ra’iq Syarah Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Khin, Mustafa & al-Bugha, Mustafa (2000). *al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafi’i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Laporan Tahunan NADMA 2018
- Mustaffa, C. S., Marzuki, N. A., Ariffin, M. T., Salleh, N. A. & Rahaman, N. H. (2014). Relationship between social support, impression management and well-being among flood victims in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155, 197-202.
- Mohd Anuar Ramli, Habibah Abdul Wahid, Mohammad Naqib Hamdan & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2017). *Golongan mangsa banjir di Malaysia: Antara perluasan tafsiran asnaf fi-sabilillah dan ibn al-sabil*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Izzuddin bin Mohd Noor & Mustafa bin Mat Jubri Shamsuddin. (2018). أحكام العبادات الخاصة بالمتضررين من الفيضانات: دراسة فقهية تحليلية. *International Journal of Fiqh and usul Fiqh Studies (IJFUS)*. Bil. 2, Special Edition, 7-22.
- al-Qaradawi, Yusuf (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Siti Fariza Fisal. (2015). Kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat dan cadangan pengaplikasiannya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 8, 109-123.

al-Syafi'i, Muhammad Ibn Idris (1993). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tabari (1994). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Ahkam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zibulewsky, J. (2001). Defining disaster: the emergency department perspective. *Baylor University Medical Centre Proceedings*, 14(2), 144-149. doi: 10.1080/08998280.2001.11927751.

al-Zuhayli, Wahbah (1996). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

<http://portalbencana.ndcc.gov.my/Portal/Disaster/StatsByNoOfEvent>: 22 Mei 2018

https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=155&bul_id=OVByWjg5YkQ3MWFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09 6 November 2020

https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjd09 6 November 2020

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2054-14> 2 November 2020

Temubual Pegawai Jabatan Kebajikan (JKM) Masyarakat Cawangan Kedah pada 19 Mac 2019

Temubual Pegawai Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 21 Feb 2019

Temubual Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Cawangan Kedah pada 25 November 2018 APM